

**PENGURUSAN TEKANAN KERJA DI KALANGAN GURU SEKOLAH  
RENDAH DI ZON SUNGAI BALANG, DAERAH MUAR**

**HAFIZ FAHMI BIN MOHAMAD**

Laporan Projek Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada  
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan

(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

2013

**Dedikasi**

*Teristimewa untuk ibubapa Tn. Hj. Mohamad bin Masruri dan Pn.. Hjh. Azizah  
binti Talib*

*serta*

*ibubapa mertua En. Sahaid bin Ahmad dan Pn. Norjiah Nawawi*

*yang sentiasa*

*mendoakan kejayaan dan kebahagiaan.*

*Buat isteri tercinta, Syaainnurdiya binti Sahaid yang sama-sama mengharungi  
cabaran dalam mengejar impian untuk menggenggam segulung Ijazah Sarjana  
ini, kesabaranmu benar-benar membuatku terharu*

*Tidak lupa buat anakku yang tersayang*

*Naufal Azizi bin Hafiz Fahmi yang banyak berkorban ketika ayah sibuk  
menyiapkan tugas dan mengulangkaji pelajaran*

*Juga*

*Pensyarah-Pensyarah Fakulti Pendidikan, UTM.*

*dan rakan-rakan yang membantu.*

## Penghargaan

Bersyukur kepada Allah yang Maha Esa kerana dengan limpah dan izinNya projek ini dapat disempurnakan. Saya dengan seikhlas hati ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khususnya kepada penyelia, Tn.Hj.Hassan Bin Hushin atas segala bimbingan, teguran, tunjuk ajar, nasihat dan panduan yang telah dihulurkan sepanjang tempoh penyelidikan projek ini dijalankan. Ribuan terima kasih kerana terus memberi nasihat, teguran dan bimbingan tanpa jemu-jemu sehingga projek ini sempurna dilaksanakan.

Penghargaan juga diberikan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Pejabat Pelajaran Daerah Muar, para guru besar, sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini dan juga kepada guru-guru yang sudi memberi kerjasama dan maklumbalas. Akhir sekali tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang sentiasa membantu dalam menyiapkan projek ini.

Semoga Allah yang Maha Esa membala segala jasa dan kerjasama yang dihulurkan. Harapan saya agar hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh semua.

Terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini membincangkan pengurusan tekanan kerja dikalangan guru sekolah rendah di zon Sungai Balang, daerah Muar. Tahap pengurusan tekanan kerja diukur berdasarkan empat punca tekanan guru iaitu dari aspek pengurusan disiplin pelajar, pengurusan kurikulum, pengurusan persekitaran sekolah dan hubungan interpersonal dikalangan guru. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang mana melibatkan 197 orang sampel bagi data kuantitatif. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Hasil daripada analisis mendapat kesemua tahap pengurusan tekanan kerja menunjukkan skor min keseluruhan yang sederhana iaitu 3.540 dan sisihan piawai 0.352. Selain dari itu tahap punca tekanan dari aspek persekitaran sekolah berada pada tahap tinggi iaitu dengan skor min 3.979 dan sisihan piawai 0.933. Adalah diharapkan kajian ini akan memberi manfaat kepada para guru besar dan guru dalam usaha mengenalpasti punca tekanan guru di sekolah rendah dan seterusnya mencari cara mengatasi faktor tekanan kerja guru.

## **ABSTRACT**

This research discusses the management of job stress among primary school teachers in the zone of the Sungai Balang, Muar. Stress management level was measured by the four causes of teacher stress management aspects of student discipline, curriculum management, the management of the school environment and interpersonal relationships among teachers. The study was conducted using a quantitative method which involves 197 samples for quantitative data. The questionnaire was used in this study. Results from the analysis showed that all levels of work stress management showed moderate overall mean score of 3.540 and a standard deviation of 0.352. Apart from the source of stress in terms of the school environment are high that the mean score of 3.979 and a standard deviation of 0.933. It is hoped that this research will benefit headmasters and teachers in order to identify the causes of stress in primary school teachers and also to find ways to overcome work stress factors.

<b>KANDUNGAN</b>		
<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>DEDIKASI</b>	ii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iii
	<b>ABSTRAK</b>	iv
	<b>ABSTRACT</b>	v
	<b>KANDUNGAN</b>	vi
	<b>SENARAI JADUAL</b>	x
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>1</b>	<b>PENGENALAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latarbelakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	11

1.5	Persoalan Kajian	12
1.6	Hipotesis Kajian	13
1.7	Kepentingan Kajian	13
1.8	Batasan Kajian	15
1.9	Definisi Operational	15
1.9.1	Pengurusan	16
1.9.2	Tekanan	17
1.9.3	Guru	17
1.9.4	Sekolah Rendah	18
1.10	Kesimpulan	18

## **2 SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	20
2.2	Teori dan Konsep	21
2.2.1	Teori Tekanan Hobb (1972)	21
2.2.2	Model Tekanan Robbins (1993)	21
2.2.3	Teori Tekanan Marshall dan Cooper (1979)	22
2.2.4	Teori Tekanan Hans Selye (1974)	23
2.3	Punca-Punca Tekanan Guru Di Sekolah	23
2.4	Strategi Menangani Tekanan	30
2.5	Kesimpulan	33

**3****METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	35
3.2	Rekabentuk Kajian	36
3.3	Lokasi Kajian	37
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	37
3.5	Instrumen Kajian	40
3.5.1	Bahagian A: Latarbelakang Responden	41
3.5.2	Bahagian B: Pengurusan Disiplin Pelajar	41
3.5.3	Bahagian C: Pengurusan Kurikulum	42
3.5.4	Bahagian D: Pengurusan Persekutaran Sekolah	42
3.5.5	Bahagian E: Hubungan Interpersonal	42
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	44
3.7	Kajian Rintis	44
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	46
3.9	Analisis Data	48
3.10	Analisis Deskriptif	50
3.11	Analisis Statistik Inferensi	51
3.12	Kesimpulan	52

**DAPATAN DAN ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	53
4.2	Maklumat Dan Latar Belakang Responden	54
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	55
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	55
4.2.3	Taburan Responden Mengikut umur	56
4.2.4	Taburan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan	57
4.2.5	Taburan Responden Berdasarkan Kelulusan Akademik	57
4.2.6	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Ikhtisas	58
4.2.7	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	59
4.3	Analisis Takbiran (Inferensi) Mengikut Persoalan Kajian	59
4.3.1	Tahap punca tekanan dalam kalangan guru dari aspek pengurusan disiplin	60
4.3.2	Tahap punca tekanan kerja dalam kalangan guru dari aspek pengurusan kurikulum	62
4.3.3	Tahap punca tekanan kerja dalam kalangan guru dari aspek pengurusan persekitaran sekolah	65

4.3.4	Tahap punca tekanan kerja dalam kalangan guru dari aspek pengurusan hubungan interpersonal	68
4.3.5	Tahap pengurusan tekanan kerja dalam kalangan guru dari setiap elemen punca tekanan	70
4.4	Analisis Inferensi Berdasarkan Hipotesis Kajian	71
4.4.1	Hubungan antara pengurusan tekanan kerja dengan pengalaman mengajar guru di sekolah rendah zon Sungai Balang, daerah Muar.	71
4.4.2	Hubungan antara pengurusan tekanan kerja dengan umur guru di sekolah rendah zon Sungai Balang, daerah Muar.	72
4.5	Kesimpulan	73

**5****PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	75
5.2	Rumusan Hasil Kajian	75
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	77
5.3.1	Hasil Dapatkan Maklumat Demografi Responden	77
5.3.2	Hasil Dapatkan Mengikut Persoalan Kajian	80

5.3.2.1 Tahap Punca Tekanan Dari Aspek Pengurusan Disiplin Pelajar	80
5.3.2.2 Tahap Punca Tekanan Dari Aspek Pengurusan Kurikulum	82
5.3.2.3 Tahap Punca Tekanan Dari Aspek Pengurusan Persekutaran Sekolah	85
5.3.2.4 Tahap Punca Tekanan Dari Aspek Hubungan Interpersonal	87
5.3.2.5 Tahap Keseluruhan Pengurusan Tekanan Kerja Dikalangan Guru	88
5.3.2.6 Hubungan Antara Pengurusan Tekanan Kerja Dengan Pengalaman Mengajar	89
5.3.2.7 Hubungan Antara Pengurusan Tekanan Kerja Dengan Umur Guru	90
5.4 Cadangan Tindakan Kajian	92
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	94
5.6 Kesimpulan	95
<b>RUJUKAN</b>	96
<b>LAMPIRAN</b>	100

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1	Senarai sekolah yang terlibat	37
3.2	Jadual menentukan jumlah/ saiz sampel daripada populasi	39
3.3	Senarai Skala Likert	43
3.4	Senarai Item Bagi Tahap Tekanan Kerja Dikalangan Guru Sekolah Rendah	43
3.5	Kaedah analisis data berdasarkan persoalan kajian	49
3.6	Pengelasan skor berdasarkan kepada nilai skor min	50
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	55
4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	55
4.3	Taburan Responden Mengikut Umur	56
4.4	Taburan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan	57
4.5	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi	57
4.6	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Ihktisas	58
4.7	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	59
4.8	Skor min dan sisihan piawai punca tekanan kerja dalam kalangan guru dari aspek pengurusan disiplin	60

4.9	Skor min dan sisihan piawai punca tekanan kerja dalam kalangan guru dari aspek pengurusan kurikulum	62
4.10	Skor min dan sisihan piawai punca tekanan kerja dalam kalangan guru dari aspek pengurusan persekitaran sekolah	65
4.11	Skor min dan sisihan piawai punca tekanan kerja dalam kalangan guru dari aspek hubungan interpersonal	68
4.12	Skor min dan sisihan piawai elemen punca tekanan kerja dalam kalangan guru	70
4.13	Hubungan Antara Pengurusan Tekanan Kerja Dengan Pengalaman Mengajar	72
4.14	Hubungan Antara Pengurusan Tekanan Kerja Dengan Umur Guru	73

**SENARAI RAJAH**

<b>NO.RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1	Carta Alir Prosedur Pengumpulan Data	47

**SENARAI SINGKATAN**

SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SPPBS	-	Sistem Pengurusan dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah
SAPS	-	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
SK	-	Sekolah Kebangsaan
SJKC	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	100
B	Surat Pengesahan Status Pelajar	109
C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	110
D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Pejabat Pelajaran Daerah Muar	111
E	Data SPSS	112

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan di negara kita, terutamanya sistem persekolahan adalah merupakan perkara yang penting sekali bagi sesebuah negara dalam usaha menuju negara maju bagi mencapai wawasan 2020 dan membangunkan masyarakat dari segi politik, sosial dan ekonomi. Sistem persekolahan bukan sahaja bertujuan memberikan ilmu serta pengetahuan kepada masyarakat semata-mata, bahkan ia merupakan satu saluran bagi menyampaikan maklumat berkenaan dengan kisah-kisah perjuangan negara yang sangat mementingkan nilai-nilai murni yang ada di dalam masyarakat berbilang kaum demi mencapai perpaduan. Negara kita Malaysia adalah sebuah negara yang masyarakatnya terdiri daripada berbilang kaum, agama dan budaya. Ini lebih dikenali sebagai masyarakat majmuk. Bagi melaksanakan sistem pendidikan yang berkesan, pihak kerajaan perlukan merancang sukanan kurikulum mengikut keperluan dan kesesuaian masyarakat Malaysia.

Semasa pembentangan bajet 2013 oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, kerajaan telah memperuntukan dana sebanyak RM 38.7 billion kepada

Kementerian Pelajaran Malaysia meliputi peruntukan mengurus dan pembangunan. Disamping itu kerajaan juga menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM 500 juta bagi meningkatkan kemahiran guru dalam pengajaran subjek-subjek teras, yakni Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik melalui pendekatan *Higher Order Thinking Skills*. (Portal Kementerian Kewangan Malaysia). Kerajaan juga menyediakan pendidikan rendah dan menengah di sekolah-sekolah kerajaan secara percuma bermula tahun 2012. Perkara diatas menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk memartabatkan lagi sektor pendidikan di Malaysia demi melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan mempunyai minda kelas pertama.

Guru merupakan tunjang utama dalam pendidikan. Guru juga adalah pelaksana segala dasar, pelaksana kurikulum yang telah digariskan oleh pihak kerajaan. Tanpa sokongan dan penglibatan daripada guru segala perancangan dan pembangunan pendidikan akan terbengkalai begitu sahaja. Oleh itu, dalam kita memperkatakan kepentingan pendidikan, guru adalah orang yang memainkan peranan utama dalam menyalurkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pendidikan formal. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 akan memperkenalkan Satu Pakej Kerjaya Guru baru dalam usaha memartabatkan keguruan sebagai profesi pilihan termasuk kaedah memberi ganjaran sepanjang tempoh kerjaya guru. Menurut laporan awal, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, gelombang pertama (2013-2015) memberi fokus kepada meningkatkan standard profesionalisme guru.(Saedah Siraj & Mohd Sani Ibrahim, 2012).

Tugas guru pada masa kini semakin mencabar. Guru bukan sahaja bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu pengetahuan, kemahiran yang berguna serta bertanggungjawab menyuburkan minat menuntut ilmu di kalangan pelajar. Guru juga bertanggungjawab memperkembangkan bakat dan kebolehan pelajar. Pendidik berperanan sebagai tempat sumber membina daya pemikiran yang kreatif, kritikal dan analitikal bagi membentuk pelajar yang boleh menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan sekeliling serta perubahan yang terdapat dalam sistem pendidikan kita.

Menurut Saedah Siraj & Mohd Sani Ibrahim (2012), Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) juga telah memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia berpengetahuan (k-workers) dalam usaha mencapai status negara maju pada tahun 2020. Keupayaan sistem pendidikan untuk menambah penawaran sumber pengetahuan ini bergantung kepada bilangan sumber manusia yang terlatih dan bermotivasi. Untuk mewujudkan matlamat tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkemaskan perancangan dan pembangunan sumber manusia dengan memberikan fokus kearah melahirkan guna tenaga yang kompeten dan kompetitif (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2004).

## **1.2 Latarbelakang Masalah**

Sekolah merupakan sebuah organisasi yang bertindak sebagai pelaksana dasar yang telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan iaitu mendidik para pelajar supaya dapat menguasai kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan kearah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Sekolah merupakan sebuah institusi yang tersohor bagi melahirkan modal insan yang bukan sahaja mencari ilmu semata-mata bahkan turut menampilkan kreativiti dan kebolehan di samping dapat menerokai nilai karekter keperibadian mulia. Pada masa kini guru berhadapan dengan pelbagai tugas rasmi mahupun tidak rasmi bagi mendidik pelajar.

Pada masa kini, kebanyakkannya ibubapa memilih untuk memulakan sistem pendidikan formal bagi anak-anak mereka bermula dari pendidikan prasekolah namun pada dasarnya, pendidikan yang diwajibkan di Malaysia bermula dari sekolah rendah. Pendidikan sekolah rendah merupakan suatu asas pembelajaran. Untuk tujuan ini, satu kurikulum yang seragam telah diwujudkan untuk memastikan

kurikulum pendidikan nasional merangkumi subjek-subjek asas dan penting. Bagi mengukur prestasi murid ditahap ini, satu peperiksaan dikenali Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dijalankan disemua sekolah.

Tugas guru pula semakin hari semakin mencabar. Tugas guru pada masa kini bukan sahaja mengajar dan mendidik murid-murid. Malahan kerja-kerja yang melibatkan aktiviti ko-kurikulum, aktiviti sekolah dan tugas pengkeranian turut menjadi beban tugas guru. Perkara tersebut menambahkan lagi tekanan kerja ke atas guru-guru pada masa kini.

Justeru keupayaan guru menguruskan segala tugas dan tanggungjawab tanpa sebarang tekanan merupakan asas kepada pembangunan murid melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di dalam kelas. Tanggungjawab guru yang kian mencabar bukan sahaja dari dunia pendidikan itu sendiri tetapi juga dari masyarakat sekeliling yang meletakkan tanggungjawab yang tinggi kepada pihak sekolah dan khasnya kepada guru-guru. Kestabilan emosi amat diperlukan untuk mengelakkan sebarang tekanan dalam melaksanakan segala tanggungjawab dan tugas yang telah diamanahkan.

Kajian ini akan memberikan tumpuan kepada pengurusan tekanan kerja dikalangan guru sekolah rendah. Di Malaysia terdapat 10,083 buah sekolah yang terdiri 7,743 buah Sekolah Rendah dan 2,340 buah Sekolah Menengah (Portal EMIS, Januari 2013). Mengikut Perangkaan Pendidikan Malaysia 2012, terdapat 5,851 buah adalah Sekolah Kebangsaan (SK), 1,294 buah adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), 523 buah adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), 26 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan 28 buah Sekolah Pendidikan Khas.

Manakala di negeri Johor terdapat 271 buah sekolah menengah dan 903 buah sekolah rendah. Mengikut Jabatan Pelajaran Johor terdapat 610 buah Sekolah

Kebangsaan, 8 buah Sekolah Rendah Agama, 215 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan 70 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Kajian ini melibatkan sebilangan buah sekolah di daerah Muar dan membuat tumpuan kajian di zon Sungai Balang yang terdiri daripada 27 buah sekolah. Terdapat 19 buah Sekolah kebangsaan dan 8 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Bagi zon Sungai Balang di daerah Muar, guru-guru menghadapi masalah seperti dibebani tugas,kekangan masa bagi menjalan tugas sebagai pendidik dan kekangan masa bagi meyiapkan tugasan yang diberi oleh pihak atasan. Saban hari mereka berasa mengeluh dengan pelbagai tugas yang perlua disiapkan mengikut “date line” yang telah ditetapkan. Mereka bukan sahaja mengajar dalam jumlah waktu yang banyak, malah mereka juga dibebani dengan tugas-tugas pentadbiran yang semakin bertambah dan juga melayan keranah pelajar yang pelbagai. Kerja-kerja pentadbiran yang kerap kali guru merungut adalah memasukkan markah pelajar ke dalam Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) dimana sistem ini diisi secara online dan bagi markah pelajar tahun 4, 5 dan 6. Manakala bagi guru-guru yang mengajar tahun 1, 2, dan 3 perlu mengisi pentaksiran pelajar secara online. Dengan ini guru perlu mengetahui dan memahami kedua-dua sistem tersebut.

Pada masa kini manusia hidup di dalam alaf yang mencabar dan kompleks. Zaman yang serba mencabar dan kompleks ini menyebabkan satu sindrom baru yang melanda manusia iaitu “tekanan”. Menurut Hatta Sidi dan Mohamed Hatta Shaharom (2002), tekanan atau stres merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia sejak dahulu lagi tanpa disedari. Ia akan berubah wajah mengikut peredaran masa. Tekanan bukanlah suatu perkara yang asing bagi masyarakat di negara ini. Tekanan biasanya dialami oleh semua manusia apabila berada didalam keadaan yang tidak menyeronokkan. Secara umumnya perkataan tekanan telah digunakan secara meluas mengikut konteks yang tertentu. Tekanan dan kehidupan amat berkait rapat dengan gaya hidup, perwatakan seseorang, faktor keluarga, proses urbanisasi serta kejutan budaya terhadap perkembangan yang mendadak.

Tekanan merupakan satu keadaan dimana persepsi terhadap seseorang itu dan kemampuan untuk mengatasi permintaan tersebut, ketidakseimbangan ini akan menyebabkan berlakunya stress atau tekanan di dalam diri individu tersebut. Ketidakseimbangan ini bergantung kepada daya tindak seseorang dalam bentuk psikologikal yang melibatkan strategi, kognisi serta tingkah laku dan fisiologikal. Tekanan akan berlaku sekiranya daya tindak seseorang secara normal tidak berkesan. Keadaan ini mungkin akan menyebabkan kerosakan fungsi dan struktur. Tidak semua individu mengalami proses yang sama (Cox, 1978).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Di Negara kita, tekanan kerja dikalangan guru sangat hebat diperkatakan sejak akhir-akhir ini. Terdapat kajian-kajian lepas mendapati profesi perguruan berhadapan dengan tekanan kerja yang tinggi (Cooper 1995, Hart et al., 1995) dalam Mokhtar (1998). Pada hari ini bidang pendidikan semakin mendesak guru-guru supaya bekerja bersungguh-sungguh dan bekerja lebih masa supaya dapat mencapai sasaran yang diimpikan oleh setiap sekolah. Disamping pelaksanaan dan pencapaian sasaran yang diimpikan, guru-guru semakin mula tertekan atau sekurang-kurangnya pernah merasa tertekan dengan permintaan yang tinggi beban kerjaya pendidikan ini.

Di Malaysia, persoalan tekanan kerja dikalangan guru-guru bukan lagi setakat dijadikan bahan kajian ilmiah, malah pada masa kini turut ditimbulkan juga di dalam media massa. Perkara-perkara yang menggambarkan wujudnya tekanan dikalangan guru kerap disiarkan oleh media massa. Menurut Kamaruzaman Kamarudin (2007) bahawa faktor penghargaan merupakan faktor yang boleh menyebabkan tekanan kerja kepada guru. Faktor penghargaan ini merujuk kepada penghargaan yang sepatutnya diberikan kepada guru-guru yang rajin, berdedikasi dan cemerlang dalam

akademik dan kurikulum. Terdapat guru-guru yang benar-benar memberi komitmen yang tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran, namun penghargaan yang sejawarnya masih belum diperolehi. Selain itu, terdapat guru-guru yang tidak berpeluang untuk kenaikan pangkat dan masih diiktiraf senioritinya untuk memegang sesuatu jawatan.

Pada masa kini pendidik mengeluh dengan pengurusan disiplin disekolah. Mengikut Omardin Ashaari (1996), istilah disiplin merupakan pendidikan akhlak sebagai asas kepada pembinaan peribadi manusia yang baik, adil, saksama dan bertimbang rasa. Disiplin merupakan latihan yang diberikan kepada pelajar supaya mereka bertindak bersesuaian dengan peraturan di rumah, sekolah dan masyarakat.

Akhir-akhir ini tahap disiplin pelajar di negara kita semakin merosot. Guru-guru sekolah terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah disiplin pelajar yang saban hari semakin membimbangkan. Antara masalah disiplin yang seringkali dilakukan oleh pelajar seperti tidak menghormati guru, bergaduh, ponteng sekolah, berambut panjang bagi pelajar lelaki dan lain-lain lagi. Disiplin sekolah merupakan bahan perbincangan yang amat popular dikalangan masyarakat sejak kebelakangan ini. Guru dan masyarakat memandang berat tentang soal disiplin dikalangan pelajar. Mereka berhasrat untuk meningkatkan taraf disiplin di sekolah. Oleh itu guru terpaksa melaksanakan hukuman kepada pelajar yang melakukan kesalahan dan sekaligus guru terbeban dengan borang-borang serta fail-fail berkaitan dengan pelaksanaan hukuman disiplin di sekolah. Ini akan menambahkan lagi kerja guru dan seterusnya memberikan tekanan keatas guru-guru di sekolah.

Ramai guru berasa terbeban dengan pengurusan kurikulum pada masa kini. Guru-guru bukan sahaja mengajar malah dikehendaki menyiapkan markah peperiksaan murid-murid ke dalam sistem secara online iaitu Sistem Analisis Peperiksaan. Apabila habis sahaja peperiksaan dijalankan guru-guru akan menanda kertas jawapan dan seterusnya mengisi markah secara online ke dalam sistem tersebut. Sistem tersebut akan menjadi perlahan atau tidak boleh di akses langsung

apabila terlalu ramai pengguna. Ini menyebabkan guru rasa tertekan bagi menggunakan sistem tersebut. Apabila guru tidak boleh mengisi markah ke dalam sistem itu pada waktu persekolahan, maka guru terpaksa membawa markah murid ke rumah untuk memasukkan markah ke dalam sistem tersebut. Ini akan memberikan tekanan kepada guru kerana membawa kerja hingga ke rumah dan terpaksa menyelesaikan kemasukan markah murid-murid. Adakalanya guru terpaksa memasukkan markah hingga ke awal pagi kerana terlalu ramai pengguna. Bagi guru yang mengajar tahun 1, 2 dan 3 pula meraka berhadapan dengan Sistem Pengurusan dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS). Dimana guru-guru akan memasukkan pentaksiran pelajar mengikut setiap matapelajaran yang ditawarkan sekolah berkenaan secara online. Guru akan menghadapi masalah seperti talian internet terlalu ramai pengguna dan ini seterusnya akan menyukarkan guru memasukkan pentaksiran ke dalam sistem tersebut. Ada dikalangan guru terpaksa memasukkan pentaksiran ke dalam sistem SPPBS ini di awal pagi sekitar 2 hingga 3 pagi apabila talian internet menjadi sesak. Ini akan menambahkan lagi tekanan dikalangan guru kerana membuat kerja sehingga di awal pagi sampai terpaksa mengorbankan masa tidur.

Masalah tekanan dikalangan guru merupakan satu fenomena yang memang wujud dikalangan guru-guru di negara kita. Oleh itu, adalah penting bahawa pemantauan perlu dibuat keatas setiap tahap tekanan dari semasa ke semasa. Sebarang peningkatan pada tahap tekanan guru perlu diberi pertimbangan yang serius dan tindakan perlu diambil untuk mengurangkan masalah tersebut. Seandainya tidak, ia boleh membawa kepada kemerosotan sistem pendidikan negara dan seterusnya menghamparkan segala aspirasi negara bagi mencapai status negara maju menjelang Wawasan 2020 (Safiah Shain, 2006). Oleh yang demikian pihak Kementerian Pelajaran Malaysia perlu mengenalpasti setiap masalah yang guru hadapi supaya masalah tersebut menjadi beban kepada guru-guru seterusnya, ia akan menjadi tekanan kepada guru.

Persekitaran sekolah yang kurang kondusif juga boleh menyebabkan guru-guru merasa kurang selesa di kalangan guru. Pada masa kini kebanyakkan sekolah

menghadapi kekurangan bilik darjah tertutamanya di bandar-bandar besar. Bilangan murid ditempatkan di dalam kelas mencecah 44 orang. Ini akan memberi ketidakselesaan dikalangan murid, seterusnya menyukarkan mereka memberi tumpuan kepada proses pengajaran. Manakala guru terpaksa mengajar dalam kelas yang penuh sesak dan menyebabkan rasa tidak selesa. Situasi ini berterusan kerana tidak dapat membina bangunan yang baru. Akhirnya guru pula yang rasa tertekan kerana jumlah murid yang ramai serta kerena murid yang sukar dikawal apabila berada di dalam kelas yang terlalu padat dan tidak selesa.

Tekanan guru memang berkendederungan untuk menyebabkan guru berada dalam keadaan murung, mengalami tekanan jiwa, kekecewaan dan keimbangan. Guru yang gagal mengawal diri akibat tekanan akan memberi kesan kepada perhubungan guru dengan pelajar dan juga mutu pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini seterusnya boleh menjaskannya kualiti pendidikan dan juga profesion perguruan yang seterusnya akan membantutkan usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang mampu membawa Malaysia ke tahap kecemerlangan dan kegemilangan mutu pendidikannya ( Sadora Sipon, 2007 ).

Guru-guru baru seringkali dilabelkan dengan kurang mempunyai kemahiran hubungan interpersonal dikalangan rakan guru. Ini mungkin disebabkan mereka masih belum mempunyai kemahiran tersebut. Apabila mereka sudah ditempatkan di sekolah kemahiran hubungan interpersonal akan dapat diasah melalui aktiviti, perbualan sesama guru yang lebih senior, mahupun dengan menyiapkan tugas yang diberi oleh pihak atasan yang memerlukan kerja didalam kumpulan. Adakalanya pihak pentadbir seperti pengetua dan guru besar sentiasa memberikan galakan kepada guru supaya bekerja dengan lebih baik dan ini secara tidak langsung hubungan sesama rakan guru dengan pihak atasan bertambah baik dan sekaligus dapat menyiapkan tugas yang diberi dengan lebih bersungguh-sungguh. Selain itu hubungan interpersonal dikalangan guru dapat membantu guru apabila menghadapi masalah seperti masalah disiplin di dalam kelas, mungkin ada dikalangan rakan guru memberi cara-cara menangani masalah disiplin pelajar dan seterusnya memberikan cadangan tindakan yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah disiplin.

Menurut Esah Sulaiman (2003), guru merupakan pengurus pembelajaran yang bertanggungjawab untuk merancang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang hendak diajar kepada pelajar setiap hari. Ini menunjukkan tanggungjawab guru untuk menyediakan maklumat-maklumat untuk diajar tidak semudah yang disangkakan. Guru juga dibebankan dengan tugas-tugas lain seperti tugas pentadbiran sekolah contohnya merancang dan menjalankan aktiviti sekolah, menjadi penasihat persatuan dan kelab, menjalani kursus yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri dan sebagainya. Perkara ini mungkin dilihat mudah oleh sesetengah pihak namun ia merupakan bebanan yang amat tinggi kepada para guru kerana mereka terpaksa melakukan pelbagai jenis kerja yang berkaitan dengan akademik, kurikulum dan pentadbiran sekaligus setiap hari. Tambahan pula, adakah tugas-tugas ini perlu diselesaikan pada hari minggu sehingga menyebabkan guru tidak mendapat ruang waktu untuk berehat dan bersama keluarga. Ia menjadi menjadi satu masalah yang besar dan dipandang serius oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sehingga wujudnya satu Jawatankuasa Khas bagi mengkaji bebanan tugas guru yang terlampau banyak.

Menurut Zubaidah (1999), dalam kajiannya mendapati bebanan waktu mengajar, jumlah matapelajaran dan beban tugas disekolah mempengaruhi keletihan emosi seterusnya menyebabkan tekanan kepada guru. Manakala (Abdul Malik, 2000) menyatakan beban tugas yang berat, tidak dapat menyiapkan tugas, boleh menyebabkan seseorang itu mengalami tekanan.

Berdasarkan pernyataan diatas pengkaji ingin mengetahui lebih lanjut mengenai pengurusan tekanan kerja yang dihadapi oleh guru-guru sekolah rendah.

#### 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan melihat pengurusan tekanan kerja dikalangan guru sekolah rendah di Zon Sungai Balang, Daerah Muar. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk :-

1. Mengkaji tahap punca tekanan guru dari aspek pengurusan disiplin pelajar di sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.
2. Mengkaji tahap punca tekanan guru dari aspek pengurusan kurikulum di sekolah rendah Zon Sungai Balang daerah Muar.
3. Mengkaji tahap punca tekanan guru dari aspek pengurusan persekitaran sekolah di sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.
4. Mengkaji tahap punca tekanan guru dari aspek hubungan interpersonal dikalangan guru sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.
5. Mengkaji tahap keseluruhan pengurusan tekanan kerja dikalangan guru sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.
6. Mengkaji hubungan antara pengurusan tekanan kerja dengan pengalaman mengajar guru di sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.
7. Mengkaji hubungan antara pengurusan tekanan kerja dengan umur guru di sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.

### 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, antara persoalan kajian adalah seperti yang berikut:-

1. Apakah tahap punca tekanan guru dari aspek pengurusan disiplin pelajar di sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.
2. Apakah tahap punca tekanan guru dari aspek pengurusan kurikulum di sekolah rendah zon Sungai Balang, daerah Muar.
3. Apakah tahap punca tekanan guru dari aspek pengurusan persekitaran sekolah di sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.
4. Apakah tahap punca tekanan guru dari aspek hubungan interpersonal dikalangan guru di sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.
5. Apakah tahap keseluruhan pengurusan tekanan kerja dikalangan guru sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan tekanan kerja dengan pengalaman mengajar guru di sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.
7. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan tekanan kerja dengan umur guru di sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian, terdapat empat hipotesis yang dikaji iaitu :-

- Ho 1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan tekanan kerja dengan pengalaman mengajar guru di sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.
- Ho 2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan tekanan kerja dengan umur guru di sekolah rendah Zon Sungai Balang, daerah Muar.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Berdasarkan objektif di atas, kajian ini diharapkan dapat membantu memberi maklumat berkaitan dengan masalah tekanan kerja dikalangan guru sekolah rendah. Melalui maklumat yang ditemui daripada hasil kajian ini, diharap dapat memberikan penjelasan mengenai masalah tekanan kerja dikalangan guru di sekolah serta cara mengatasinya. Antara rasional kajian ini dijalankan ialah:-

### 1.7.1 Jabatan Pelajaran Negeri Johor (JPNJ)

Kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai maklumat yang berfaedah mengenai masalah tekanan kerja yang dihadapi oleh guru. Sekaligus pihak JPNJ diharapkan dapat membantu meringankan tekanan kerja yang dihadapai guru.

### 1.7.2 Guru

Hasil kajian ini diharapkan guru-guru dapat menemui cara-cara menangani tekanan kerja di sekolah. Dengan adanya cara menangani tekanan kerja di sekolah guru boleh mengelakkan dari berlakunya tekanan kerja sekaligus dapat menjalankan tugas sebagai pendidik dengan lebih berkesan dan prestasi akademik pelajar akan bertambah baik.

### 1.7.3 Guru Besar

Hasil dapatan kajian ini boleh membantu guru besar untuk mengenalpasti tugas-tugas yang diberikan kepada guru itu sama ada membebangkan hingga memberi tekanan kepada guru atau tidak. Guru besar juga dapat mengenalpasti guru yang tidak mampu menerima tugas yang berat sehingga boleh memberi tekanan kerja.

### **1.8 Batasan Kajian**

- I. Kajian ini adalah terbatas kepada permasalahan guru di sekolah yang boleh menyumbang kepada tekanan kerja yang dihadapi di sekolah.
- II. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dan terbatas kepada guru-guru terlibat di Zon Sungai Balang iaitu sebanyak 27 buah sekolah yang terlibat.
- III. Sampel yang dipilih terdiri daripada sembilan orang guru bagi setiap sekolah yang terdapat di Zon Sungai Balang.

### **1.9 Definisi Operasional**

Definisi yang ditunjukkan disini bertujuan dapat memberikan gambaran sesuatu istilah yang lebih jelas dan dapat mengelakkan kekeliruan maksud istilah yang digunakan di dalam kajian ini. Hal ini kerana definisi istilah membawa maksud yang khusus di dalam kajian ini.

### 1.9.1 Pengurusan

Mary Parker Follet (1868 -1933) menyatakan bahawa pengurusan adalah sebagai seni untuk mencapai sesuatu melalui orang lain. Wan Azmi Ramli merumuskan pengurusan adalah aktiviti perancangan dan pergerakan atau panduan oleh sesuatu perusahaan atau organisasi berhubung dengan segala kaedah-kaedah, peraturan-peraturannya, juga tanggungjawab dan tugas-tugas kakitangannya itu.

James A.F Stoner & Charles Wienkel (1989) menyatakan bahawa pengurusan adalah proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal daya usaha anggota organisasi dan menggunakan sumber-sumber lain dalam organisasi bagi mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan.

Menurut Mohamad Najib (2010), pengurusan adalah satu aktiviti perancangan dan pergerakan atau panduan oleh sebuah pasukan atau organisasi berhubung dengan kaedah-kaedah, peraturan-peraturannya, tanggungjawab, dan tugas-tugas kakitangan. Ia adalah satu peroses mengagihkan input-input organisasi termasuk sumber ekonomi dan sumber kakitangan dengan cara perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan untuk tujuan mengeluarkan output segala barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh pelanggan-pelanggan supaya objektif organisasi tercapai

### 1.9.2 Tekanan

Mengikut Hans Selye (1976) tekanan melibatkan penggunaan semua sistem yang ada dalam badan yang melampaui keupayaan. Individu berkenaan mendapati sukar menyesuaikan diri dengan keadaan dan memerlukan usaha yang lebih untuk mencapai keseimbangan dalam dirinya dan dengan alam sekitar.

Hatta Sidi dan Mohamed Hatta (2005), mentakrifkan stres atau tekanan sebagai tindak balas minda dan fizikal terhasil daripada permintaan (atau cabaran) mengikut sesuatu keadaan atau tempat. Stres atau tekanan melibatkan perasaan subjektif, yang pada mulanya diterima oleh diri seseorang secara aman, tetapi lama-kelamaan menjadi semakin “kacau” apabila permintaan atau cabaran semakin bertambah. Tekanan terjadi akibat perubahan yang berlaku di dalam tubuh badan dan mempunyai kaitan dengan alam sekeliling. Tekanan merangkumi beban, konflik, keletihan, ketegangan, panik, perasaan gemuruh, enxieti, kemurungan dan hilang daya tahan. Gejala tekanan ini terhasil apabila seseorang itu berasa yang keperluan melebihi daripada keupayaan atau sumber yang ada pada dirinya (Norhanani, 2007).

### 1.9.3 Guru

Guru bermaksud pendidik dan pengasuh. Guru merupakan seorang ahli masyarakat yang mempunyai perhubungan sosial yang saling berkait rapat dengan masyarakat berstatus. Guru merupakan tenaga ikhtisas di dalam bidang perguruan yang dipertanggungjawab untuk mendidik pelajar di sekolah. Guru juga sebagai anggota masyarakat, harus pandai bergaul dengan masyarakat. Untuk itu, guru harus menguasai psikologi sosial, memiliki

pengetahuan tentang hubungan antara manusia dan sebagai anggota masyarakat, guru mempunyai keterampilan membina kelompok, berkerjasama dalam kelompok untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

#### **1.9.4 Sekolah Rendah**

Sekolah Rendah adalah sekolah yang ditubuhkan oleh kerajaan persekutuan. Sekolah Rendah terdiri daripada murid-murid yang berumur dari 7 tahun hingga 12 tahun. Sekolah Rendah yang dipilih dalam penyelidikan ini ialah sekolah rendah di zon Sungai Balang, daerah Muar. Sekolah di zon dipilih oleh penyelidik kerana sekolah penyelidik termasuk di zon Sungai Balang.

#### **1.10 Kesimpulan**

Berdasarkan maklumat diatas bahawa sekolah merupakan sebuah institusi yang melahirkan modal insan yang bukan hanya mencari ilmu tetapi turut menampilkan kreativiti dan kebolehan di dalam sesuatu bidang akan akan diceburi. Institusi pendidikan seperti sekolah adalah sebagai pelaksana dasar pendidikan kebangsaan bagi mencapai visi dan misi yang telah dirancangkan.

Guru-guru pada masa kini terdedah dengan pelbagai cabaran di dalam sistem pendidikan negara kita. Mereka perlu bijak mengurus tekanan kerja akibat daripada

pertambahan tugas, pertambahan pelajar yang mendadak dan masalah disiplin pelajar yang membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Guru perlu mengenalpasti kaedah yang terbaik dapat mengurangkan tekanan kerja agar mereka berasa selesa dan gembira semasa menjalankan tugas. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji pengurusan tekanan kerja dikalangan guru sekolah rendah di zon Sungai Balang, daerah Muar.

## **RUJUKAN**

- Abdull Sukor Shaari, Abd. Rahim Romle & Mohamad Yazi Kerya (2006). Beban Tugas Guru Sekolah Rendah. Seminar Kebangsaan Kepimpinan dan Pengurusan Sekolah. Seremban.
- Abdullah Sani Yahaya, Abdul Rashid Mohamed & Abd. Ghani Abdullah (2007). PTS Professional.
- Ahmad Johari Bin Sihes & Mohamad Zuhairy Bin Shaari (2010). Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru Teknikal Di Empat Buah Sekolah Menengah Teknik Sekitar Johor Bahru. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak (2006). Ciri Iklim Sekolah Berkesan: Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran.
- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli & Mazeni Ismail (2010). Stres Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Empat Buah Negeri Di Malaysia. Asia Pacific Journal Of Educators and Education, Vol. 25, 103-136, 2010.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan : Teori Analisis dan Interpretasi Data. Kuala Lumpur. PTS Profesional Publishing.
- Che Yaacob Che Ahmad (1996). Punca Ketegangan Guru Matematik Sekolah Rendah Di Kelantan, Tesis Sarjana Sains Pengurusan. Universiti Utara Malaysia. Sintok
- Chua Yan Piaw (2011). Kaedah Penyelidikan : Kaedah Dan Statistik Penyelidikan. Kuala Lumpur. MacGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Bulach, C, Pickett. W, Boothe D. ERIC Clearinghouse on Educational Management, Digest 122, June 1998
- Esah Sulaiman (2003). Amalan Profesionalisme Perguruan. Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.
- Faridah Karim dan Zubaidah Aman (1999). Peramal Burnout Di Kalangan Guru, Faktor Latar Belakang, Tekanan Di Peringkat Organisasi Dan Sokongan Sosial. Jurnal Pendidikan. (4): 13-23.

French, W. L., Kast. F.E., & Rosenzweig, J.E. (1985). Understanding Human Behaviour In Organizations. New York: Harper & Row.

Gardner, H. (1983; 1993) Frames of Mind: The theory of multiple intelligences, New York.

Hans Selye (1976). Stress in Health and Disease. United States Of America. Butterworth-Heinemann Limited (Publisher). Inc.

Hatta Sidi, Mohamed Hatta Sharom (2002). Mengurus Stres : Pendekatan Yang Praktikal. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka

[http://satusekolahuntuksemua.files.wordpress.com/2009/07/018\\_laporan-jawatankuasa-kabinet-mengkaji-pelaksanaan-dasar-pelajaran-19791.pdf](http://satusekolahuntuksemua.files.wordpress.com/2009/07/018_laporan-jawatankuasa-kabinet-mengkaji-pelaksanaan-dasar-pelajaran-19791.pdf)

[http://www.treasury.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=2280%3Abajet-2012&catid=87%3Acatbajet-tahunan&Itemid=195&lang=my](http://www.treasury.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=2280%3Abajet-2012&catid=87%3Acatbajet-tahunan&Itemid=195&lang=my)

Dunham, J. (1992). Stress In Teaching. London, Routledge.

Stoner, J.A.F. and Charles Wankel (1986). Management. Engelwood Cliffs, New Jersey. Prentice Hall Inc.

Johari Hassan & Noornazifah Md. Suandi (2011). Kajian Terhadap Stres Di Kalangan Guru Sekolah Rendah Di Zon Permas Jaya, Johor Bahru Dari Aspek Personaliti. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Kamaruzaman Kamaruddin (2007). Tekanan Kerja Di Kalangan Guru Sekolah Rendah. Jurnal Kemanusiaan Bil 10, Disember 2007.

Kepimpinan Dan Pengurusan Kurikulum Di Sekolah (2001). Pusat Perkembangan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia.

McGrath, J.E. (1970). Stress and Behaviour In Organization. In Handbook Of Industrial and Organization Psychology. Journal Of Psychology.

Mior Khairul Azrin (2011). Sistem Pendidikan Di Malaysia: Dasar, Cabaran Dan Pelaksanaan Ke Arah Perpaduan Nasional. Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.

Mohamad Abdillah Royo & Woo Sew Fun (2010). Faktor-faktor Yang Mendorong Tekanan Kerja (Stres) Di Kalangan Guru-Guru (SJKC) : Satu Kajian Di Tiga Buah Sekolah Di Wilayah Persekutuan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (2010). Pembangunan Organisasi Pendidikan. Skudai. Penerbit UTM Press.

Mohd Safiee Hj. Idrisa, Hj. Ashari Sikorb, Siti Zahara Binti Mohd Ariff, Mohd Zaid Mustafac, Ahmad Rizal Madard dan Latifah Md. Ariffine (2008). Komunikasi Interpersonal Dalam Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka. Fakulti Pendidikan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). Rekabentuk Soal Selidik Pendidikan. Skudai. Penerbit: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Razali Othman & Abang Mat Ali Bin Abang Masagus (1997). Strategi Menangani Tekanan Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Zon A Di Bahagian Kuching / Samarahan, Sarawak : Satu Tinjauan. Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak.

Motivasi Pembelajaran. Jurnal Pendidikan 31.

Omardin Ashaari (1996). Pengurusan Sekolah. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Pauline Graham (1995). Mary Parker Follet Prophet Of Management : A Celebration Writings From The 1920's. United States Of America. President and Fellows Of Havard College.

Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Safiah Hj. Shain (2006). Tahap Punca Tekanan Dan Strategi Menangani Tekanan Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Kota Samarahan, Sarawak. Jurnal Akademik Institut Perguruan Tun Abdul Razak.

Sapora Sipon (2010). Stres Kerja Guru : Punca, Kesan Dan Strategi Daya Tindak. Prosiding Seminar Profesional Perguruan.

Scharmenhorn, Hunt & Osborn (1991). Managing Organization Behavior. New York : John Wiley & Sons.

Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon (2010). Guru Dan Cabaran Semasa. Pusat Bandar Puchong : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Tajulashikin Jumahat, Fazura Mohd. Noor & Mohd. Burhan Ibrahim (2013). Faktor-Faktor Penentu Stres Dalam Kalangan Guru: Sekolah Rendah Mubarizah Di Kuala Lumpur. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, April 2013, Bil 1, Isu 2.

Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi (2005). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Mengikut Jantina di Luar Kelas. Jurnal Pendidikan 30.

Zuraidah Abdul Rahman (2011). Kauseling Dalam Pengurusan : Kaunseling & Motivasi Diri. Shah Alam. Marshall Cavendish (Malaysia) Sdn. Bhd.